

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

**Seminar Tumbuhan Ubatan FRIM Ogos ini**  
**23 Jul 2010**  
**Sinar Harian**  
**Selangor & KL**  
**N/A**  
**Daily**  
**60,000 /**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

**Malay**  
**S10**  
**112 cm<sup>2</sup>**  
**Black/white**  
**448**  
**1,344**



# Seminar Tumbuhan Ubatan FRIM Ogos ini

**SHAH ALAM** – Lebih 120 peserta termasuk penyelidik, pengamal perubatan moden, ahli akademik dan usahawan tempatan akan menyertai Seminar Tumbuhan Ubatan dan Beraroma ke-12 yang diadakan pada 3 dan 4 Ogos ini di Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia (FRIM).

Pegawai Media FRIM, Toh An Nee berkata, pence-ramah kali ini termasuk pakar, penyelidik, usahawan dan wakil pelbagai organisasi seperti Institut Penyelidikan Perubatan (INIR), National University of Singapore (NUS), Universiti Sains Malaysia (USM),

Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Sarawak Biodiversity Centre (SBC) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

Menurutnya, seminar bertema, "Harnessing the Tropical Herbal Heritage : Recent Advances in R&D and Commercialization" itu bertujuan meningkatkan kesedaran serta peluang penyelidikan, akademik, pihak swasta, industri dan pembuat polisi bagi memastikan kemajuan dalam bidang penyelidikan dan industri herba.

"Antaranya ialah Pakar Sakit Tuan Prof Emeritus Dr

Mohd Ismail Mohd Tambi akan membentangkan penemuan-penemuan kajian klinikal ke atas ekstrak larutan air Tongkat Air yang membuktikan keberkesanannya dalam meningkatkan kesihatan lelaki sebagai contoh peranan penyelidikan sains dalam membantu promosi produk ini di pasaran antarabangsa.

An Nee berkata, isu-isu utama yang diperbincangkan merangkumi pengetahuan tradisi, pemuliharaan dan penanaman, perdagangan dan komersialisasi, kualiti, keberkesanan dan keselamatan, sektor hulu dan hiliran.